



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

**MAKLUMBALAS AKHBAR THE NEW STRAITS TIMES “ALIEN  
FISH RUNNING RIOT IN LOCAL RIVERS” BERTARIKH 17  
APRIL 2017**

1. Jabatan Perikanan Malaysia memandang serius mengenai kebanjiran ikan-ikan larangan di kawasan perairan umum di negara ini seperti yang dilaporkan dalam sebuah akhbar tempatan baru-baru ini. Untuk makluman, walaupun Peraturan Perikanan berhubung larangan import, jual, pelihara dan simpan genus-genus ikan larangan dalam jadual telah diwartakan semenjak 1990, tetapi segelintir masyarakat masih tidak peka dan tidak mengambil berat mengenainya.
2. Jabatan Perikanan Malaysia telah menyenaraikan 15 jenis ikan dan 1 Spesis *Cherax destructor* di bawah Peraturan Perikanan (Larangan Import Dsb Bagi Ikan) 1990 pindaan 2011 sebagai langkah pengawalan.
3. Peraturan ini melarang import, jual, pelihara dan simpan Genus ikan-ikan yang disenaraikan dalam jadual kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah Perikanan. Satu lagi perundangan secara langsung yang dapat mengawal kemasukan spesies-spesies ikan dari luar negara ialah Akta Pemeriksaan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta MAQIS).

.....Seksyen 11 Akta MAQIS ini menetapkan bahawa import dan eksport ikan tidak boleh dibuat tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta tersebut.

5. Kemasukan ikan-ikan dalam jadual yang dilarang tersebut kemungkinan berlaku:

- i. **Sengaja disorok** melalui ikan-ikan yang diluluskan;
- ii. **Terlepas daripada pemeriksaan** pihak berkuasa;
- iii. **Sengaja diseludup** masuk melalui jalan haram dari luar negara.

6. Jabatan Perikanan Malaysia akan diteruskan tindakan penguatkuasaan melalui kaedah seperti program pemantauan/penguatkuasaan bagi membuat hebahan dan kesedaran tentang perkara ini. Statistik jabatan menunjukkan dari tahun 2014 hingga 2017, pihak Jabatan telah menjalankan pemeriksaan di **461 premis** di seluruh negara dengan catatan **111 kes pada tahun 2017** dan **15 kes penyitaan telah direkodkan (2014-2016)**. Program hebahan dan kesedaran kepada kumpulan sasaran seperti pekedai akuarium, penjual ikan hiasan akan dijalankan selama **dua (2) bulan**. Namun selepas dari program tersebut, pihak jabatan akan mengerakkan program **pemutihan akan dibuat selama sebulan**. Penguatkuasaan akan dibuat selepas program pemutihan tamat dibuat.

7. Jabatan Perikanan mencadangkan pindaan dibuat terhadap Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) di peringkat negeri supaya aktiviti pelepasan spesies ikan eksotik (asing) juga dapat dikawal dan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

8. Sebagai langkah pengawalan dan konservasi ikan-ikan asli di perairan umum, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengadakan program pelepasan umum benih ikan di seluruh negara iaitu sebanyak **5,308,172** benih ikan pelbagai spesis telah dilepaskan pada tahun **2013** dan meningkat ke angka **7,443,692 benih ikan** pada tahun **2016**. Hal ini menunjukkan komitmen jabatan dalam menjaga ekosistem dan biodiversiti asal spesis ikan di sesebuah kawasan.

9. Oleh yang demikian, Jabatan Perikanan Malaysia sentiasa berhubung rapat dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk mengawal kemasukan melalui pintu masuk negara disamping melakukan pemeriksaan secara berkala. Mana-mana individu atau syarikat yang mempunyai maklumat mengenai penjualan/pemilikan ikan larangan perlu segera melaporkan kepada FishComm di talian 03-8880 5069 atau emel ke [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my) bagi tindakan susulan.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya

19 April 2017 (Rabu), jam 12.00 t/hari